



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



BULETIN

HEPA 2018

EDISI KHAS SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE - 16





Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia Ke-4 (1981 hingga 2003)

"Ingatlah kita perlu meneroka bidang Sains dan Teknologi seperti mana ditunjukkan beberapa orang pakar Islam terdahulu hingga menjadikan empayar Islam kuat pada masa itu."

Majlis Pecah Tanah Kampus Tetap KUIM/USIM, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan / 11 Ogos 2002

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad

PENASIHAT

Profesor Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan

KETUA EDITOR

Nasrul Hakim Ahmad

EDITOR/WARTAWAN

Adika Hakmi Ab. Ghani
Noor Syahieda Husra Hussin

PENERBIT

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
Negeri Sembilan

MUHAMMAD SYAFIQ SUHAIMI

Muhammad Syafiq Suhaimi merupakan anak kedua daripada tiga adik-beradik dan anak kepada pasangan Suhaimi Shuhud dan Sarina Mainir. Beliau dilahirkan di Felda Ayer Hitam, Kluang, Johor pada tanggal 14 Julai 1994. Sejak kecil, Muhammad Syafiq telah menetap bersama keluarganya di Rawang, Selangor dan seterusnya menerima pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Rawang dan Sekolah Rendah Agama Ibnu Khaldun, Rawang.

Keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) melayakkan beliau untuk menyambung persekolahan peringkat menengah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor. Setelah tamat pendidikan menengah di sekolah tersebut, beliau meneruskan perjalanan pendidikannya di peringkat Tamhidi Syariah dan Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) seterusnya ke Fakulti Syariah dan Undang-Undang di USIM dan mengikuti pengajian Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah dengan Kepujian.

Sewaktu mengikuti pengajian sarjana muda, beliau turut mengambil peluang mengikuti Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie secara separuh masa juga di USIM. Kini, beliau sedang berkhidmat sebagai penyunting undang-undang di syarikat LexisNexis Malaysia.

Kepetahan berhujah dan kefasihan berbahasa Arab telah melayakkan beliau mewakili Fakulti Syariah dan Undang-Undang dalam Kejohanan Debat Piala Naib Canselor kategori Bahasa Arab seawal pengajiannya di Tahun 1. Penyertaan tersebut merupakan titik tolak beliau untuk menyertai debat Bahasa Arab kerana beliau hanya menyertai pertandingan debat Bahasa Melayu ketika di alam persekolahan. Walaupun pertandingan tersebut merupakan penyertaan kali pertama, beliau telah berjaya mengharumkan nama fakultinya apabila muncul Naib Johan.



Antara pencapaian terbaik beliau di pentas debat Bahasa Arab adalah apabila beliau bersama pasukannya membanggakan Malaysia dengan meraih gelaran Naib Johan dalam pertandingan debat berprestij *International Universities Arabic Debate Championship* di Doha, Qatar pada 2017. Beliau dan pasukannya juga telah berjaya menjuarai Pertandingan Debat Bahasa Arab Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN sebanyak dua (2) kali pada 2016 dengan menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan pada 2017 dengan menundukkan Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Indonesia. Pada 2016 juga beliau dan pasukannya telah menggondol gelaran Naib Johan dalam Pertandingan Debat Bahasa Arab Maal Hijrah anjuran UIAM.

Muhammad Syafiq merupakan seorang pelajar yang suka mencabar diri. Sekali lagi pada 2017 beliau memberanikan diri untuk mewakili fakultinya ke Kejohanan Debat Piala Naib Canselor dalam kategori Bahasa Inggeris. Percubaan beliau membuahkan hasil apabila dinobatkan sebagai Naib Juara dalam pertandingan tersebut dan lebih manis lagi apabila diumumkan sebagai Pendejabat Terbaik pertandingan akhir. Tidak cukup dengan debat, kebolehan beliau untuk berbicara dengan fasih dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab telah melayakkan beliau untuk mewakili USIM dalam Pertandingan Pidato Dwi-Bahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab) Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 sekaligus meraih gelaran Johan menewaskan peserta dari pelbagai negara ASEAN yang lain.

Muhammad Syafiq tidak sekadar memberi tumpuan pada arena debat yang melibatkan bahasa sahaja, beliau turut menitikberatkan pengajian undang-undang yang diikutinya. Beliau pernah dianugerahkan Johan dan *Best Advisor* dalam pertandingan yang memerlukan beliau memberikan nasihat perundangan kepada pelanggan secara olok-olok iaitu *Intramural Client Consultation Competition* yang dianjurkan oleh fakultinya sekaligus melayakkan beliau mewakili USIM ke pertandingan *National Harun M. Hashim Client Consultation Competition 2016* di Universiti Utara Malaysia.

Kemenangan demi kemenangan yang diraih oleh beliau demi USIM dan negara tidak dibiarkan sepi begitu sahaja tanpa penghargaan. Beliau telah memenangi pelbagai anugerah sepanjang pengajian, antaranya sempena Anugerah Kecemerlangan Siswa USIM (AKSIS) dalam kategori Anugerah Cemerlang Pencapaian Pengucapan Awam dan Anugerah Tokoh Keseluruhan Kategori Pencapaian.

Usim johan debat bahasa Arab

NILAI - Pendejabat Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) muncul johan Debat Bahasa Arab Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Asean 2016 dengan menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam pertandingan akhir di Dewan Kuliah Pusat 3, Kampus Usim di sini, baru-baru ini.

Debat akhir bertajuk 'Menyediakan Kerusi Tetap Kepada Negara-negara Asean di Majlis Keselamatan PBB Lebih Baik' dibahaskan dengan baik oleh kedua-dua pasukan pada pusingan tersebut.

Bertindak sebagai pembangkang, Usim dibarisi Muhammad Syafiq Suhaimi, 22; Azka Annisa Yusri Yumalis, 23; Anis Amirah Zakaria, 23; dan Adam Fikry Bakru Rozi, 21, manakala UIAM selaku kerajaan dianggotai Muhammad Nurfarman Mohamed, 21; Nurul Rafah Syazwani Rahmat, 22; Nur Faiezah Mohamed, 22 dan Abdullah Aimanrusyidi Abdullah, 24.

Selaku johan, Usim membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM 4,000, trofi dan sijil penghargaan, manakala UIAM menerima RM 3,000, trofi dan sijil penghargaan daripada Tan Sri Dr. Abdullah Md Zin, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri.

Lebih manis lagi apabila pelajar tahun akhir Usim, Azka Annisa Yusri Yumalis, jurusan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa turut dinobatkan Pendejabat Terbaik Akhir dan menerima wang tunai RM 500 beserta trofi.



Peserta debat Usim menunjukkan trofi yang dimenangi mereka pada Kejohanan Debat Bahasa Arab Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Asean 2016, di Usim.

USIM 'sauk' 3 tempat

Tundukkan 36 universiti dalam Ihtifal IPT ASEAN 2017

Program itu disertai 542 peserta dari 36 universiti termasuk luar negara.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meraih tiga trofi dalam pertandingan Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2017 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada Sabtu.

USIM dinobatkan sebagai Naib Johan dalam kategori Bahasa Arab, Naib Johan dalam kategori Bahasa Inggeris, dan Naib Johan dalam kategori Pidato Dwi-Bahasa.

Kejohanan ini dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Naib juara tetap hebat

Empat perdebat Bahasa Arab USIM atasi 30 pasukan IUADC di Qatar

PM lahir rasa kagum

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meraih Naib Johan dalam pertandingan Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2018 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada Sabtu.

USIM dinobatkan sebagai Naib Johan dalam kategori Bahasa Arab, Naib Johan dalam kategori Bahasa Inggeris, dan Naib Johan dalam kategori Pidato Dwi-Bahasa.

Kejohanan ini dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Beliau turut menerima penghargaan peringkat kebangsaan apabila dianugerahkan Anugerah Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi sempena Majlis Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan pada 2016 dan 2017.

Beliau juga bergiat aktif dalam kepimpinan badan pelajar sepanjang pengajiannya di USIM. Beliau merupakan Presiden Kelab Debat Sesi 2015/2016, Exco Kelab Debat Sesi 2014/2015 dan Exco Akademik dan Pembangunan Bahasa, Persatuan Mahasiswa Fakulti Syariah dan Undang-Undang Sesi 2016/2017.

Beliau turut aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan peringkat antarabangsa antaranya *Global Islamic Students Outreach (GISO)* ke Yogyakarta Indonesia pada 2015, GISO ke Krabi, Thailand pada 2016, GISO ke Phnom Penh, Kemboja dan Hanoi, Vietnam pada 2017 dan GISO ke Surabaya, Indonesia pada 2018 serta Laos-Malaysia Youth Exchange Programme di Laos pada 2016.

Muhammad Syafiq mahir menyeimbangkan di antara kecemerlangan akademik dan kokurikulum. Hal ini terbukti apabila beliau menerima Anugerah Dekan hampir setiap semester sepanjang pengajian di USIM yang membolehkan beliau untuk bergraduasi dengan Purata Nilai Gred Kumulatif 3.80.

Apabila ditanya tentang hasrat dan cita-cita beliau selepas alam kampus, beliau mahu kembali berbakti kepada masyarakat. Segala kemahiran insaniah dan ilmu yang digarap sewaktu pengajian beliau di USIM selama 6 tahun akan digunakan sehabis baik untuk menyumbang kepada masyarakat melalui bidang

perundangan yang beliau minati. Beliau juga mahu terus menabur budi dan bakti kepada insan-insan tersayang di sekeliling beliau di samping terus membanggakan mereka.

"Pesanan dan saranan saya kepada siswa dan siswi USIM agar sentiasa lakukan yang terbaik dalam setiap perkara yang kalian ceburi. Kalau makan, makan betul-betul. Kalau tidur, tidur secukupnya. Waktu belajar, beri tumpuan semaksimum mungkin. Jadilah siswa/siswi yang sentiasa aktif dan seimbang dari segenap aspek. Tanam cita-cita setinggi mana yang kita mahu dan rangkalah perancangan jangka masa panjang untuk diri sendiri. Saya suka untuk memetik kata-kata Buya Hamka yang sentiasa menjadi pedoman dalam hidup saya iaitu " Kalau bekerja sekadar bekerja, kera di hutan pun bekerja, kalau hidup sekadar hidup, babi di hutan pun hidup".



ZAKEYYAH ZABARJAD MOHD SAID

Zakeyyah Zabarjad Mohd Said merupakan anak ketiga daripada enam (6) orang adik-beradik. Beliau bersekolah di Sekolah Kebangsaan Jalan Empat Bandar Baru Bangi dan menyambung persekolahan ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur dan memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat keputusan 9A 2B.

Keputusan SPM yang cemerlang tersebut telah membawa beliau ke USIM sebagai pelajar Tamhidi pada 2012 dan menyambung pengajian dalam Sarjana Muda Perubatan dan Surgery di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM.

Sepanjang pengajian beliau di USIM, nama beliau sering tersenarai sebagai salah seorang penerima Anugerah Dekan dan pelajar terbaik. Penglibatan beliau yang aktif dalam pelbagai aktiviti inovasi telah melayakkan beliau menerima pengiktirafan yang memberangsangkan.

Beliau bersama lima rakan lain dengan nama BIZAF telah mencipta *Jugular Venous Pressure Ruler (JVP Ruler)* untuk mengukur tekanan vena (urat) jugular di bahagian leher yang mana pengukuran ini lazim dilakukan dengan hanya menggunakan dua pembaris yang biasa.

Dengan penciptaan *JVP Ruler* ini, pasukan beliau telah menyertai pelbagai pertandingan inovasi dan telah memenangi pelbagai anugerah antaranya tempat pertama dan pembentangan terbaik MEDINOVA 2014 anjuran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM serta *Gold Award* dan *Al-Khawarizmi Special Award* i-INOVA 2014. Pencapaian beliau dan pasukannya tidak terhenti di situ apabila mereka menyertai *Novel Research and Innovation Competition (NRIC)* 2016 anjuran Universiti Sains Malaysia dan memenangi *Gold Award*. Pasukan BIZAF turut dihantar bertanding di *British Invention Show* 2016 yang diadakan di London, United Kingdom dan telah meraih *Gold Award* untuk kategori inovasi dan *Silver Award* untuk kategori reka bentuk.



Penglibatan yang aktif dalam aktiviti kesukarelawanan juga membantu beliau membentuk jati diri dan kebolehan berdikari. Beliau kerap melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan yang dianjurkan oleh fakultinya dan pelbagai organisasi bukan kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara aktiviti kesukarelawanan yang beliau sertai termasuklah Kesukarelawanan Mahasiswa anjuran Jawatankuasa Siswa/i Kolej Kediaman Pandan pada 2014, *Community Service Operation* di Kuala Kedah pada 2015, *Global Islamic Students Outreach* ke Lombok, Indonesia pada 2016, *Health Intervention Day* di Gemas, Negeri Sembilan pada 2015 dan Gemencheh, Negeri Sembilan pada 2016, *Green Crescent Malaysia for The Youth* di SMK Bandar Baru Ampang pada 2018 dan Sukarelawan Perubatan bersama IMARET Rohingya Mobile Clinic pada 2018.

Selepas menamatkan alam pembelajaran, beliau bercita-cita untuk meneruskan kerjaya sebagai seorang doktor pelatih sebelum meneruskan karier perubatan beliau sebagai seorang pakar sama ada ortopedik atau obstetrik dan ginekologi.

Beliau berhasrat untuk berkhidmat sebagai seorang doktor yang bukan sahaja cekap dan berilmu malah sebagai seorang doktor yang mendengar, memahami dan menasihati.

Menurut beliau, kerjaya sebagai seorang doktor bukan suatu keistimewaan namun suatu tanggungjawab kepada masyarakat untuk memberi sokongan emosi kepada pesakit dan keluarga mereka sebagai doktor Muslim profesional yang holistik.

Harapan beliau kepada pelajar USIM agar selalu percaya bahawa kejayaan adalah untuk sesiapa sahaja yang berani dan tidak berhenti mencuba. "Tiada siapa yang dilahirkan dengan kehebatan atau kelebihan ekstra. Kita selalu percaya kejayaan itu hanya untuk segelitir yang bertuah sahaja tetapi sebenarnya kejayaan adalah untuk kita semua. Kejayaan bukan hanya ada pada tempat yang khusus atau pada orang yang khusus. Kejayaan adalah untuk sesiapa yang berani dan tidak berhenti mencuba. Jadi, tanamkan impian dalam diri. Jangan takut untuk bermimpi. Allah akan menunjukkan kebesaran dan kuasa kepada hambaNya yang tidak pernah putus asa. Percayalah."



DOKTOR USIM MENCURAH BAKTI

Dr. Mohamad Hilmi Mohamad Nazarallah, alumni USIM lepasan Sarjana Muda Perubatan dan Surgery 2011 kini berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan Sarjana di Jabatan Ortopedik, Hospital Canselor Tuanku Muhriz Cheras Selangor dan bakal menamatkan program kepakaran Pembedahan Ortopedik pada 2019.

Mengimbu pengalaman di USIM, penglibatan beliau yang aktif dalam badan pelajar di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan telah melayakkan beliau dipilih sebagai Presiden *Medical Students Club*. Beliau menyertai pelbagai aktiviti termasuklah *Medical Students Conference* peringkat kebangsaan dan luar negara. Beliau juga aktif dalam aktiviti lasak termasuklah menubuhkan *Medical Students Adventure Club* yang aktif menganjurkan aktiviti mendaki gunung, berkayak, rehlah dan seumpamanya. Beliau percaya bahawa pelajar yang baik adalah pelajar yang seimbang dari sudut akademik, sahsiah dan fizikal.

Penglibatan dan pencapaiannya itu telah melayakkan beliau dianugerahkan Anugerah Khas Pengetua pada Malam Perdana Siswa Kolej Kediaman Pandan pada 2010.

Banyak pengalaman pahit dan manis yang ditempuhi sepanjang pengajian di USIM. Pada peringkat awal pembelajaran, beliau mengakui menghadapi kesukaran mengikuti kursus-kursus perubatan sedangkan rakan-rakan lain boleh memahami dengan pantas. Namun, berkat doa dan sokongan semua, pembelajaran beliau dipermudahkan dan lulus peperiksaan profesional perubatan dengan baik. Beliau turut mengakui pengalaman akademik dan ko-kurikulum di USIM telah membentuk keperibadian beliau pada hari ini.

Harapan beliau agar USIM sebagai Universiti Awam berteraskan pengajian Islam dapat menerapkan elemen *Islamic fundamentals* dalam setiap diri graduan. Pada zaman yang penuh cabaran ini, beliau mendoakan agar setiap graduan USIM muncul sebagai benteng agama dan terus mendokong syiar Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Beliau juga menaruh harapan agar graduan USIM terus bersemangat dan meneruskan pembelajaran dalam kehidupan. Sekiranya berdepan dengan sesuatu masalah, perancangan strategi penyelesaian masalah tersebut amat penting. *Take a deep breath*. Lari dari masalah bukan jalan yang terbaik. Rakan-rakan, pensyarah dan keluarga boleh menjadi tempat meluahkan rasa dan juga sumber mendapatkan semangat dan sentiasa ingat, *you are not alone. Allah is always with you.*



PANDUAN PELAKSANAAN MODEL GRADUAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI USIM



<http://hep.usim.edu.my>



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
(Pendidikan Tinggi)
2015 - 2025

LONJAKAN PERTAMA

"Melahirkan Graduan yang Holistik (Holistic), Berkeusahawanan (Entrepreneurial) dan Seimbang (Balanced)"

Model GIINA

9



PENGUKURAN SKOR
GRADUAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI



1. HOLISTIK

Graduan mempunyai sifat-sifat yang menyeluruh termasuklah sifat-sifat intelek, rohani, emosi dan fizikal yang membantu perkembangan peribadi mereka



1 Aktif dalam Aktiviti Kepimpinan 5%

2 Aktif dalam Aktiviti Kesukarelawanan 5%

3 Mencapai PNGK ≥ 3.0 4%

Julat PNGK	Peratusan
3.00 - 3.25	1%
3.26 - 3.50	2%
3.51 - 3.75	3%
3.76 - 4.00	4%

4 Mencapai Tahap ≥ 3 MUET atau Setara 4%

Tahap MUET	Peratusan
3	1%
4	2%
5	3%
6	4%

5 Mencapai Tahap ≥ 3 ULA/MUAT atau Setara 4%

6 Mengikuti Pendedahan Bahasa Ketiga 4%

7 Mencapai Mata Merit ≥ 20 dalam Transkrip Ko-Kurikulum 4%

Mata Merit	Peratusan
20 - 50	1%
51 - 75	2%
76 - 100	3%
100 dan ke atas	4%

8 Aktif dalam Aktiviti Kesenian*) 4%

9 Aktif dalam Aktiviti Sukan Sunnah dan Riadah*) 4%

10 Aktif dalam Aktiviti Pengantarabangsaan 4%

11 Melepassi Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan 2%

*ditirir salah satu sahaja



PENGUKURAN SKOR
GRADUAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI



2. SEIMBANG

Graduan yang seimbang dari segi akhlak (memaparkan karakter yang betul) dan ilmu (pengetahuan dan kemahiran) untuk menjadi warganegara yang aktif, mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan



1 Aktif dalam Pengembangan USIM GISO 8%

2 Menguasai Kemahiran Insaniah (MY3S) atau (ePKI) dengan Skor $\geq 6/10$ 4%

3 Mutadaiyyin 12%

4 Bebas daripada Hukuman Tata tertib 4%

5 Mendaftar sebagai Pemilih dengan Suruhanjaya Pilihanraya 2%

3. BERKEUSAHAWANAN

Graduan minda berkeusahawanan, berinovasi, yang terbuka kepada perubahan, idea-idea baru dan cara-cara baru dalam melakukan sesuatu serta mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah untuk menangani tuntutan masa kini dan masa depan



1 Aktif dalam Aktiviti Keusahawanan 10%

2 Aktif dalam Aktiviti Starting School dan Finishing School 8%

3 Berkeupayaan Menyediakan Kanvas Model Perniagaan 6%

4 Aktif dalam Aktiviti Inovasi 6%

5 Memperoleh Pekerjaan dalam Tempoh 6 Bulan (setelah tamat pengajian)*

*tidak dikira